



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

KERAJAAN TINGKATKAN PERUNTUKAN STR FASA 2 SEBANYAK 20%; 8.4 JUTA RAKYAT AKAN MENERIMA BANTUAN SEBELUM HARI RAYA AIDILFITRI

Seperti yang diumumkan hari ini oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana-rendah menangani peningkatan kos sara hidup, Kerajaan telah menambah peruntukan program subsidi bersasar Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 sebanyak 20% kepada RM1.5 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun lepas¹.

Mulai 3 April 2024 (Rabu), seramai 8.4 juta rakyat bakal menerima bayaran STR Fasa 2 yang melibatkan bayaran antara RM100 hingga RM650.

"Reformasi ekonomi yang diterajui Kerajaan MADANI bukan semata-mata untuk memperbetul struktur kewangan negara, tetapi ia berbekalkan niat ikhlas untuk memastikan kekayaan negara dapat dikongsi dengan rakyat secara lebih saksama," kata YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Insya-Allah, Kerajaan akan tingkatkan lagi bantuan tunai kepada rakyat sejajar dengan penambahbaikan fiskal negara termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi kepada golongan yang benar-benar memerlukan," tambah beliau.

Penerima sedia ada dan penerima baharu yang berdaftar di dalam pangkalan data STR akan menerima pembayaran STR Fasa 2 melalui pengkreditan ke dalam akaun bank atau disalurkan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat² mengikut kategori kelayakan STR masing-masing³.

Mulai 2024, Kerajaan telah mengambil pendekatan baharu untuk membuka pendaftaran STR 2024 sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada bantuan Kerajaan. Oleh itu, bilangan penerima yang layak dijangka terus meningkat pada tahun ini mengambil kira proses permohonan baharu dan kemas kini yang dijalankan sepanjang tahun berbanding setahun sekali sebelum ini. Sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data STR, mereka perlu membuat permohonan bagi membolehkan proses verifikasi mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan.

Semakan status kelayakan STR dan soalan lazim (FAQ) boleh didapati di Portal Rasmi STR, melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>. Kementerian Kewangan ingin menasihati penerima STR agar sentiasa berwaspada dengan pautan yang tidak sah oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan maklumat berkaitan program STR.

Kementerian Kewangan
Putrajaya
1 April 2024

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran

Lampiran

1. Perbandingan pembayaran STR Fasa 2 tahun 2023 serta tahun 2024 seperti berikut:

Kategori Penerima	STR 2023		STR 2024	
	Kadar Bayaran Fasa 2	RM bilion	Kadar Bayaran Fasa 2	RM bilion
Isi Rumah (\leq RM2,500)	RM200	0.6 bilion	RM150 - RM650	0.9 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	RM200	0.2 bilion	RM100 - RM300	0.1 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	RM100	0.11 bilion	RM150	0.2 bilion
Bujang	RM100	0.35 bilion	RM100	0.3 bilion
JUMLAH	-	RM1.26 bilion	-	RM1.5 bilion

2. Pembayaran STR Fasa 2 akan disalurkan secara berperingkat seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Mempunyai akaun bank	3 – 9 April 2024	Dikreditkan terus ke dalam akaun bank.
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah dan Sarawak)	Mulai 3 April 2024	Pembayaran secara tunai melalui cawangan BSN.

3. Pembayaran STR Fasa 2 mengikut kategori kelayakan masing-masing seperti berikut:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar Bayaran STR Fasa 2	Implikasi Kewangan (RM bilion)
Isi Rumah (\leq RM2,500)	3.0 juta	RM150 - RM650	0.9 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	0.9 juta	RM100 - RM300	0.1 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	1.2 juta	RM150	0.2 bilion
Bujang	3.3 juta	RM100	0.3 bilion
Jumlah	8.4 juta	-	RM1.5 bilion

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran